

26/10/2003

`Teruskan sikap berbaik-baik'

Mustapa Omar

PORT MORESBY: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengakhiri lawatan rasmi

terakhirnya ke luar negara sebelum bersara, Jumaat depan berkata Malaysia

akan terus mengamalkan dasar berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengambil kira ideologi dan keadaan negara berkenaan.

Perdana Menteri berkata, apa yang penting ialah Malaysia mempunyai banyak sahabat kerana sebagai sebuah negara perdagangan, hubungan yang rapatkan memudahkannya mendapatkan pasaran.

"Hubungan baik itu perlu kerana jika kita hadapi masalah atau perlukan sokongan, kita akan mendapat bantuan daripada mereka. Ini cara kita.

Kita

suka berbaik-baik dan tidak suka bermusuh, termasuk dengan negara maju.

"Tetapi kalau kita dikecam atau ditegur oleh mereka (negara maju), kita

juga berhak mengecam dan menegur mereka kerana mereka sendiri tidak semestinya betul, malah ada kalanya lebih teruk daripada kita," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, semalam.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berada di sini dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke PNG, negara terakhir dilawatnya sebelum bersara pada akhir bulan ini.

Mengenai lawatannya ke luar negara sejak menjawat jawatan Perdana Menteri, beliau berkata lawatan pertamanya ialah ke negara-negara Kepulauan Pasifik iaitu Fiji, Tonga dan Samoa, manakala yang terakhir ialah Timor Leste dan Papua New Guinea.

"Ini adalah dasar kita supaya berbaik-baik dengan negara Selatan, khususnya negara kecil. Lawatan ke negara kecil lebih berkesan dari segi hubungan berbanding negara kaya.

"Lawatan ke negara kecil juga mengingatkan kita pengalaman lalu sebelum

kita mencapai kemajuan. Kita kadang-kadang cepat lupa. Apabila kita sudah

maju, kita berlagak seolah-olah kemajuan adalah perkara biasa.

"Kita lupa kemiskinan yang kita alami dulu dan betapa susahnya untuk mengatasinya," katanya.